

Oleh Suraya Roslan
suraya@hmetro.com.my

Ampang

Mengakui segan untuk meminta sumbangan orang ramai, tetapi pengurusan Zoo Negara di sini terpaksa 'menebal muka' demi kelangsungan hidup haiwan untuk terus bertahan sepanjang berdepan pandemik Covid-19.

Malah, kantung kewangan mereka hanya boleh bertahan dalam tempoh tiga bulan saja dengan pelbagai langkah penjimatan sudah dilakukan termasuk pemotongan elaun dan bayaran kerja lebih masa kepada 140 kakitangan di zoo yang terletak di Taman Zoo-view di sini.

Bagaimanapun, tumpuan kebimbangan pihak pengurusan lebih kepada 'nyawa' di zoo berkenaan iaitu 4,000 haiwan pelbagai spesies terutama kos makanan mereka yang begitu tinggi.

Bayangkan, kos makan sehari buat seekor harimau berjumlah RM160 bersamaan lapan kilogram daging atau ayam.

Di Zoo Negara, terdapat 19 ekor Harimau Malaya, harimau putih, singa, harimau kumbang (cheetah) serta singa putih dan jika dikira jumlah makanan mereka sekitar RM22,000 bagi tempoh seminggu.

Timbalan Presiden Zoo Negara, Rosly @Rahmat Ahmat Lana berkata, sumbangan orang ramai sangat diperlukan ketika ini berikutan keadaan kewangan mereka tidak begitu kukuh untuk tiga bulan akan datang.

"Pada awal Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada Mac lalu, kita ada memohon sumbangan orang ramai dan kutipan diperolehi hampir RM8 juta.

"Ketika itu, kita memang terdesak dan hanya ada RM1 juta dalam tabung untuk menampung pelbagai kos ketika tiga bulan PKP dilaksanakan," katanya dalam temu bual bersama Metro Ahad.

Katanya, pihaknya terpaksa mencari alternatif dengan turut meminta bantuan pelbagai agensi termasuk kerajaan yang menyumbang RM1.3 juta.

"Apabila Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) kedua dilaksanakan, kita masih ada duit simpanan dan hanya menyangkakan tempoh pergerakan dihadkan hanya 14 hari dan menyangka boleh bertahan lagi dengan duit yang ada.

"Selain sumbangan pelbagai pihak, jumlah perolehan kami dapat sebaik zoo dibuka selepas selesai PKP sekitar Jun, Julai dan Ogos sangat menggalakkan, malah kami tidak menyangka orang ramai



Kami segan nak minta lagi daripada orang ramai, tetapi ini saja cara yang ada bagi mengelak tempat tumpuan pelancong ini ditutup buat selama-lamanya dan apa yang agak merisaukan haiwan kita memerlukan makanan secukupnya"

Rosly @Rahmat

datang ke zoo hingga menjadi tular berikutan tiada penjarakan fizikal.

"Ketika itu, kerajaan cuba membantu kita dengan menyediakan pelbagai prosedur operasi standard (SOP) dan menghantar polis, tentera dan agensi penguat kuasa lain untuk mengawal kemasukan orang ramai kerana kakitangan zoo yang ada tidak mencukupi ketika itu," katanya.

Menurutnya, agak mengejutkan kutipan diperolehi pada tiga bulan berkenaan agak baik dan pihaknya tidak menggunakan duit sumbangan orang ramai sebagai langkah berjaga-jaga.

"Sebaik PKPB terbaharu dilaksanakan, kami masih bergantung kepada simpanan hasil derma orang ramai kerana menyangkakan hanya 14 hari tempoh dilaksanakan.

"Bagaimanapun, tidak sangka PKPB disambung (sebulan lagi) dan berterusan dilaksanakan menyebabkan kami mula risau sehingga memaksa melakukan rayuan sekali lagi kepada orang ramai, badan berkanun dan agensi lain untuk membantu.


"Kami segan nak minta lagi daripada orang ramai, tetapi ini saja cara yang ada bagi mengelak tempat tumpuan pelancong ini ditutup buat selama-lamanya dan apa yang merisaukan haiwan kita memerlukan makanan secukupnya," katanya.

Memperincikan perbelanjaan hasil sumbangan orang ramai, Rosly berkata, pihaknya mengutamakan kebajikan haiwan terutama kos makanan yang begitu tinggi.

"Kita utamakan sumbangan orang ramai untuk haiwan sebab haiwan kita jika tidak diberi makan, mereka tidak tahu mencari makanan sendiri...jadi ini keutamaan kami.

"Kakitangan juga penting untuk menjaga kebajikan haiwan, setakat ini kita masih kekalkan 140 kakitangan, tetapi mengurangkan elaun dan bayaran kerja lebih masa berikutan kekangan kewangan.

Rosly berkata, kos makanan haiwan paling tinggi dan kri-



PANDA diberi makan 20 kilogram buluh setiap hari.

'CATU MAKANAN BURUNG'

Kekurangan dana mungkin dorong penutupan Zoo Negara sebagai jalan terakhir



SEKOR harimau perlukan lapan kilogram daging setiap hari.



tical adalah harimau dan singa yang memerlukan lapan kilogram (kg) daging sehari untuk seekor.

"Begitu juga dengan dua gajah, kita beri rumput 300kg sehari untuk seekor manakala 40kg pisang dan betik. Begitu juga dengan tiga ekor panda kita diberi makan bu-

luh zokg sehari.

"Selain itu, kos yang tinggi juga membabitkan burung kerana kita ada ribuan burung pelbagai spesies yang makan ikan dan mereka ini hanya makan ikan tertentu a dan sehari mencecah 200kg ikan.

"Bagaimanapun, berikutan

kekangan kewangan kami terpaksa mencatu makanan burung ini dengan memberi 150 hingga 180kg saja sebab percaya burung boleh cari makan di sekitar zoo, tetapi tidak haiwan lain," katanya.

Rosly mengakui, jika PKPB disambung lagi, langkah penutupan zoo adalah jalan te-

rakhir, tetapi pihaknya cuba melakukan sedaya mungkin bagi mengelak ia berlaku.

"Tak mungkin akan ditutup zoo ini sebab saya yakin pihak awam dan swasta akan membantu kita, malah saya akan memastikan perkara ini tidak akan berlaku.

"Untuk kutipan orang ra-

Salur dana RM1.3 juta

Kuala Lumpur: Prihatin dengan kebajikan hidupan liar, kerajaan sudah menyalurkan RM1.3 juta menerusi Dana Prihatin Kebajikan Hidupan Liar kepada Zoo Negara untuk menampung keperluan haiwan.

Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) dalam satu kenyataan memaklumkan,

Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA) melalui Perhilitan sangat prihatin dalam membantu Zoo Negara yang terjejas berikutan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Katanya, pihaknya sentiasa memahami pendapatan Zoo Negara hanya bergantung kepada hasil kutipan tiket, jualan produk dan perkhidmatan.

"Kita sudah menyalurkan Dana Prihatin Kebajikan Hidupan Liar sebanyak RM1.3 juta kepada Zoo Negara pada 10 April lalu untuk menyediakan bekalan makanan kepada hidupan liar.

"Di samping itu, kerajaan memanjangkan secara spesifik diskaun 15 peratus bil elektrik secara bulanan selama enam bulan kepada pengendalian zoo dan pameran tetap (ZPT) termasuk Zoo Negara di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi (PRE 1.0)," katanya.

Menurutnya, Zoo Negara juga berjaya mengumpul sumbangan daripada pelbagai pihak sebanyak RM10.6 juta sejak Januari hingga Sep-

tember lalu melalui rangkaian media sosialnya.

"Sumbangan yang diterima adalah dalam bentuk bantuan kewangan, makanan haiwan dan pelbagai program yang ditawarkan oleh Zoo Negara.

"Bantuan kerajaan kepada Zoo Negara bukan saja dilaksanakan dalam tempoh PKP, sebaliknya bantuan disalurkan sejak awal penubuhan Zoo Negara.

"Sejak ini, kerajaan sudah menyediakan peruntukan lebih RM50 juta untuk pelbagai projek Zoo Negara sejak Rancangan Malaysia Ke-7 (RMK-7)," katanya.

Menurutnya, Zoo Negara dimiliki oleh Malaysia Zoological Society (MZS) yang juga sebuah pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan berfungsi sebagai sebuah entiti perniagaan.

"Operasi ZPT perlu diperkukuhkan supaya dapat meningkatkan sumber pendapatan, lebih berdaya saing dan tidak bergantung sepenuhnya kepada kerajaan.

"Perhilitan berharap Zoo Negara dapat menguruskan dana yang diterima secara berhemah dan telus.

"Malah, kami mengalu-alukan sumbangan daripada syarikat atau orang perseorangan bagi membantu mengurangkan bebanan kos makanan serta penyelenggaraan kepada ZPT yang terjejas," katanya.

Cadang orang ramai sumbang RM10 sebulan

Kuala Lumpur: Persatuan Haiwan Malaysia mencadangkan orang ramai menyumbangkan RM10 sebulan kepada Zoo Negara dalam usaha menyelamatkan fermasuk menampung kos makanan haiwan.

Presidennya, Arie Dwi Andika berkata, pihaknya tidak mahu kehilangan haiwan di dalam Zoo Negara tersepit dan menjadi mangsa berikutan kekurangan wang akibat pandemik Covid-19.

"Tidak mungkin haiwan

ini akan dilepaskan begitu saja untuk proses rehabilitasi dan ini bukan cadangan yang bijak.

"Haiwan ini sudah biasa dijaga dalam zoo dan diberi makan, melepaskan haiwan ini ke dalam hutan atau lokasi lain adalah idea kurang bijak berikutan pastinya sukar untuk mereka mencari makan sendiri," katanya kepada Metro Ahad.

Katanya, semua pihak perlu berhenti bertelagah dan tampil membantu Zoo Negara dengan menghulurkan sumbangan walaupun jumlahnya kecil.

"Demi kelangsungan hidup haiwan di dalamnya ini adalah tanggungjawab kita semua rakyat Malaysia dan sama-samalah kita menyumbang.

"Kita semua tidak boleh menafikan kepentingan Zoo Negara sebagai pusat konservasi haiwan daripada mengalami kepupusan dan juga tatapan untuk anak-anak," katanya.

Bagaimanapun, Arie berharap pengurusan Zoo Negara dapat mengkaji semula keperluan menempatkan panda dalam jagaan Malaysia.

"Bukan saja kos makanan, utiliti, kesihatan dan penjagaan, tetapi difahamkan kos insurans panda menelan belanja sebanyak RM680,000 setahun.

"Panda bukan haiwan tempatan dan perlu dikembalikan kepada negara asal memandangkan ia bukan hak mutlak negara dan hanya sekadar pinjaman untuk tontonan," katanya.



Terdapat ratusan kilogram rumput, 40 kilogram betis dan pisang diperlukan bagi seekor gajah.

mai yang paling terbaharu, kami masih tidak tahu jumlah sebenar namun agak menggalakkan terutama daripada rakyat di luar negara," katanya.

Menurut beliau, sejak Zoo Negara ditubuhkan pada 1963, kerajaan sudah membantu dengan banyak melebihi RM50 juta.

"Tetapi, kebanyakan bantuan berbentuk eksibit dan ada juga aliran tunai. Tapi kami menghargai bantuan semua pihak terutama agensi awam seperti Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) mahupun Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Majlis), katanya.